



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 62  
No. 2

**17hb Januari 2019**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

## No. 78.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 33.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga bagi Lembaga Zakat Negeri Kedah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah, Ahli Lembaga bertanggungjawab menilai keupayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakananya sebagai atas perakaunan.

## Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti

audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Zakat Negeri Kedah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2(a) kepada penyata kewangan, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2017 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2016. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Lembaga terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2016, dan Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016

dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2017 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

ALOR SETAR  
Bertarikh 16 Ogos 2018

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN  
*b.p. Ketua Audit Negara*  
*Malaysia*

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA ZAKAT  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
(Ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Zakat Darul Aman 2015)

Kami, Dato' Paduka Haji Bakar bin Din, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., B.C.K., dan Dato' Seraja Bijaya, Dato' Wira Haji Syed Zain bin Syed Abdullah, D.G.M.K., D.S.D.K., J.S.M., S.D.K., B.C.K., B.P.L. yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Bagi Pihak Lembaga,

Nama: Y.B. Dato' Paduka Haji  
Bakar bin Din, D.S.D.K.,  
S.D.K., A.M.K., B.C.K.

Nama: Dato' Seraja Bijaya,  
Dato' Wira Haji Syed  
Zain bin Syed Abdullah,  
D.G.M.K., D.S.D.K.,  
J.S.M., S.D.K., B.C.K.,  
B.P.L.

Jawatan: Pengerusi

Jawatan: Ahli Lembaga

ARAS 3, MENARA ZAKAT  
JALAN TELUK WAN JAH  
05200 ALOR SETAR, KEDAH  
Bertarikh 25 April 2018

## WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

17hb Jan. 2019]

81

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (Ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Zakat Darul Aman 2015)

Saya, Tuan Syeikh Zakaria bin Othman, A.M.K., Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas Tuan Sheikh Zakaria bin Othman, A.M.K. (Ketua Pegawai Eksekutif), di Alor Setar pada 25 April 2018.

Di hadapan saya,

ROSLee BIN ARIFIN  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

### LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (Ditubuhkan menurut Seksyen 4, Enakmen Lembaga Zakat Darul Aman 2015)

#### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

Nota	2017 RM	2016 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2016 RM Seperti yang dinyatakan semula
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	3	67,379,442	67,302,215
Aset Tak Ketara	4	149,533	18,136
Kerja Dalam Kemajuan	5	767,888	403,068
	-----	-----	-----
	68,296,863	67,723,419	67,701,658
	-----	-----	-----

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

82

[17hb Jan. 2019]

	Nota	2017 RM	2016 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2016 RM Seperti yang dinyatakan semula
<b>ASET SEMASA</b>				
Pinjaman Pegawai dan Kakitangan	6	5,067,720	3,979,856	1,846,691
Pertaruhan	7	100,315	66,275	65,525
Perbelanjaan Terdahulu	8	140,000	—	—
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	9	1,953,363	1,718,580	2,408,299
Pendahuluan Diri dan Pelbagai Simpanan Deposit-I Berjangka	10	52,575	18,251	21,915
Wang Tunai di Bank dan di Tangan	11	116,285,000	116,285,000	151,785,000
	12	74,955,724	57,293,049	32,265,477
		198,554,697	179,361,011	188,392,907
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>266,851,560</b>	<b>247,084,430</b>	<b>256,094,565</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>				
Peruntukan Manfaat Kakitangan	13	136,345	144,527	82,812
<b>LIABILITI SEMASA</b>				
Peruntukan Manfaat Kakitangan	13	69,008	84,291	—
Cagaran Diterima	14	807,377	728,069	321,459
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	15	8,624,316	11,135,897	10,412,084
		9,500,701	11,948,257	10,733,543
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>9,637,046</b>	<b>12,092,784</b>	<b>10,816,355</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>257,214,514</b>	<b>234,991,646</b>	<b>245,278,210</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>				
Kumpulan Wang Zakat		165,171,238	149,358,571	163,770,268
Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan		40,551,622	35,241,421	35,116,288
Kumpulan Wang Pinjaman		7,400,000	6,300,000	2,300,000
Rezab Penilaian Semula		44,091,654	44,091,654	44,091,654
		257,214,514	234,991,646	245,278,210

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG ZAKAT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
<b>HASIL</b>			
Urusniaga bukan pertukaran	16	164,915,431	140,448,128
Urusniaga pertukaran	17	6,000,707	7,653,773
Lain-lain terimaan	18	162,337	83,754
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>171,078,475</b>	<b>148,185,655</b>

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

17hb Jan. 2019]

83

	Nota	2017 RM	2016 RM
<b>PERBELANJAAN</b>			
Asnaf Fakir		10,693,481	11,791,594
Asnaf Miskin		70,009,207	67,608,579
Asnaf Amil		20,792,096	17,845,507
Asnaf Muallaf		1,388,810	1,680,590
Asnaf Al-Gharim		57,134	38,098
Asnaf Fisabilillah		52,631,166	63,466,777
Asnaf Ibni Sabil		163,810	245,840
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>155,735,704</b>	<b>162,676,985</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN</b>		<b>15,342,771</b>	<b>(14,491,330)</b>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG  
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	Nota	2017 RM	2016 RM
<b>HASIL</b>			
Urusniaga bukan pertukaran	19	20,614,429	17,556,016
Urusniaga pertukaran	20	1,121,231	1,397,217
Lain-lain terimaan	21	20,292	10,469
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>21,755,952</b>	<b>18,963,702</b>

## PERBELANJAAN

Hadiah Amil		2,060,152	2,182,892
Gaji, Elaun & Bonus Kakitangan		6,926,908	6,766,364
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		1,499,411	1,451,916
PERKESO		103,566	85,865
Peruntukan Manfaat Kakitangan		60,826	146,006
Belanja Mesyuarat		27,795	21,100
Imbuhan Tahunan Ahli Lembaga		39,000	—
Zakat			
Elaun Perjalanan & Pengangkutan		195,455	153,194
Elaun Lain-lain & Saguhati		137,596	30,160
Pelbagai Belanja	22	3,583,844	3,254,578
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	690,150	697,607
Pelunasan	3 & 4	52,273	49,424
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>15,376,975</b>	<b>14,839,106</b>
<b>LEBIHAN BAGI TAHUN</b>		<b>6,378,977</b>	<b>4,124,596</b>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

84

[17hb Jan. 2019]

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Kumpulan Wang Zakat	Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan	Kumpulan Wang Pinjaman	Rezab Penilaian Semula	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2016	163,770,268	35,199,100	2,300,000	44,091,654	245,361,022
<i>—Seperti yang dinyatakan terdahulu</i>	—	—	—	—	—
Kesan pemakaian awal MPSAS	—	(82,812)	—	—	(82,812)
Baki Pada 1 Januari 2016	163,770,268	35,116,288	2,300,000	44,091,654	245,278,210
<i>—Seperti yang dinyatakan semula</i>	—	—	—	—	—
Pelarasan Tahun	79,633	537	—	—	80,170
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman	—	(4,000,000)	4,000,000	—	—
(Kurangan)/Lebihan	(14,491,330)	4,124,596	—	—	(10,366,734)
Baki Pada 31 Disember 2016	149,358,571	35,241,421	6,300,000	44,091,654	234,991,646
<i>—Seperti yang dinyatakan terdahulu</i>	—	—	—	—	—
Pelarasan Tahun Lalu	469,896	31,224	—	—	501,120
Pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman	—	(1,100,000)	1,100,000	—	—
Lebihan Bersih bagi tahun	15,342,771	6,378,977	—	—	21,721,748
Baki pada 31 Disember 2017	165,171,238	40,551,622	7,400,000	44,091,654	257,214,514
	—	—	—	—	—

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

17hb Jan. 2019]

85

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017	2016
		RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>			
Lebihan/(Kurangan)			
		21,721,748	(10,366,734)
Pergerakan bukan tunai:			
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		690,150	697,607
Pelunasan		52,273	49,424
Pelarasan Tahun Lalu	23	501,120	80,170
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Nyata		—	6,860
Peralatan Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan Terlebih Nyata		—	15,121
Peruntukan Manfaat Kakitangan		60,826	146,006
Pembayaran Peruntukan Manfaat Kakitangan		(84,291)	—
Keuntungan atas Pengambilan Tanah		—	(1,124,540)
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		22,941,826	(10,496,086)
Peningkatan dalam Pinjaman		(1,087,864	(2,133,165)
Peningkatan dalam Perbelanjaan terdahulu		(140,000)	—
Peningkatan dalam Pertaruhan (Peningkatan)/Pengurangan dalam Urusniaga Pertukaran Belum Terima		(34,040)	(750)
(Peningkatan)/Pengurangan dalam Pendahuluan		(234,783)	689,719
Pengurangan dalam Cagaran Diterima		(34,324)	3,664
(Peningkatan/Pengurangan dalam Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru		79,308	406,610
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		(2,511,580)	723,813
		—	—
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>			
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan		(525,464)	(373,749)
Belian Aset Tak Ketara		(42,292)	—
Hasil Daripada Pengambilan Tanah		—	1,504,483
Bayaran Kerja Dalam Kemajuan		(748,112)	(796,967)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(1,315,868)	333,767
		—	—

# WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

86

[17hb Jan. 2019]

Nota	2017 RM	2016 RM
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	17,662,675	(10,472,428)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	173,578,049	184,050,477
 	-----	-----
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	191,240,724	173,578,049
 	-----	-----
<b>DIWAKILI OLEH</b>		
Simpanan Deposit-I Berjangka	116,285,000	116,285,000
Wang Tunai di Tangan dan di Bank	74,955,724	57,293,049
 	-----	-----
	191,240,724	173,578,049
 	-----	-----

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman ialah suatu pertubuhan perbadanan ditubuhkan menurut Seksyen 4, Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Ibu Pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah terletak di Aras 3, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Aktiviti utama Lembaga Zakat Negeri Kedah ialah menjalankan pentadbiran pengurusan kutipan zakat dan agihan zakat kepada asnaf-asnaf di dalam Negeri Kedah Darul Aman. Tiada sebarang perubahan penting dalam aktiviti utama Lembaga Zakat Negeri Kedah di sepanjang tahun kewangan ini.

Jumlah bilangan pekerja sehingga 31 Disember 2017 ialah 235 orang.

Penyata kewangan Lembaga berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang dan diterima dalam Mesyuarat Lembaga pada 22 Januari 2018.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Lembaga telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan

di dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada pelaporan kewangan yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara.

Angka perbandingan di dalam lembaran imbalan bagi tahun sebelumnya telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

Penyata Kewangan ini adalah merupakan peralihan pertama yang disediakan menggunakan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS). Lembaga memutuskan pengecualian bagi penggunaan MPSAS 16 (Hartanah Pelaburan) bagi Penyata Kewangan tahun 2017.

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

## (b) Pengiktirafan Hasil

### Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

#### (i) Zakat Padi

Zakat padi ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil bersih daripada tanaman padi yang telah ditolak hutang dan keperluan asas oleh petani. Nisab zakat padi bagi setiap tuaian mencapai kepada lima ausuk atau 1,300.49 kilogram dan kadar zakat padi adalah 1/10 daripada hasil tersebut.

#### (ii) Zakat Ternakan

Zakat ternakan ialah zakat yang wajib dikeluarkan apabila memenuhi syarat-syarat tertentu, iaitu; Islam, milik sempurna, cukup nisab (mengikut sifir kiraan zakat lembu, kerbau, kambing atau biri-biri), cukup haul (setahun), digembalaikan dan tidak dipekerjakan.

(iii) Zakat Pendapatan

Zakat pendapatan ialah zakat ke atas pendapatan gaji dan lain-lain sumber pendapatan yang diterima yang ada kaitan dengannya seperti wang gaji, elaun, hadiah dan lain-lain pendapatan yang diberi oleh seseorang dari masa ke semasa hendaklah disatukan dengan wang yang terkumpul dan hendaklah dizakatkan ketika genap haul yang bermula dari sejak cukup nisab, ini bermakna apa-apa pendapatan yang diperolehi pada pertengahan haul, hendaklah dizakatkan sekali pun belum genap haul bagi tiap-tiap satu pendapatan itu.

(iv) Zakat Perniagaan

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berdasarkan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapanalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan, sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya.

(v) Zakat Wang Simpanan

Wang wajib dikenakan zakat kerana ia boleh digunakan untuk bermuamalah sama dengan emas dan perak. Syarat-syaratnya ialah; cukup nisab, cukup haul (setahun) dengan kadar 2.5% daripada jumlah wang simpanan.

(vi) Zakat Saham

Zakat saham wajib dikeluarkan apabila cukup syaratnya iaitu cukup nisab dan haul (setahun) dengan kadar 2.5% daripada nilai saham tersebut.

(vii) Zakat Emas dan Perak

Zakat emas dan perak dikeluarkan apabila cukup nisab dan haul. Nisab Zakat emas adalah berdasarkan nilai semasa bagi nisab emas 25 mayam (85 gram) atau perak (595 gram). Jumhur Fuqaha telah menyandarkan nisab wang kepada nisab emas (85 gram).

(viii) Zakat Fitrah

Zakat fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan setahun sekali di bulan Ramadhan.

(ix) Zakat KWSP

Zakat KWSP ialah zakat ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang cukup haul dan nasab. Zakat dikenakan setiap kali pengeluaran ke atas KWSP sama ada sebab bersara atau tujuan lain sebelum bersara.

(x) Qadha Zakat

Qadha zakat ialah zakat-zakat yang disebut di atas yang dikenakan kepada lelaki dan perempuan Islam yang tidak membayar zakat pada tahun-tahun sebelumnya.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Fidyah

Fidyah ialah denda ke atas seseorang Islam yang telah baligh kerana meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu atau pun sengaja melewatkhan puasa ganti bulan Ramadhan.

(ii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas penyewa-penyewa Lembaga mengikut syarat perjanjian penyewaan. Antara sewaan yang dijalankan oleh Lembaga ialah; sewaan ruang menara zakat, sewa bendang, sewaan bilik/bangunan, sewa tapak dan sewa dewan dan alatan.

(iii) Keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka

Hasil keuntungan simpanan deposit-I berjangka terbahagi kepada dua keuntungan iaitu, keuntungan daripada kumpulan wang zakat dan keuntungan daripada kumpulan wang pentadbiran dan pengurusan.

(iv) Hibah Akaun Semasa

Hasil hibah akaun semasa juga terbahagi kepada dua iaitu, hibah akaun semasa daripada kumpulan wang zakat dan hibah akaun semasa daripada kumpulan wang pentadbiran dan pengurusan.

(v) Keuntungan Atas Pengambilan Tanah

Keuntungan atas pengambilan tanah adalah hasil yang diperolehi apabila pihak ketiga mengambil tanah hak milik Lembaga.

(vi) Pelbagai Hasil

Pelbagai hasil adalah lain-lain hasil yang tidak dikenalpasti, hibah atas takaful, derma dan jualan borang sebutharga dan tender.

Semua hasil adalah diambilkira berdasarkan tunai kecuali hasil daripada sewaan harta dan keuntungan Simpanan Deposit-I Berjangka yang diiktiraf berdasarkan kaedah akruan. Secara umum, pendapatan sewa diakrukan dengan merujuk kepada kadar sewaan bulanan. Semua hasil zakat, sewaan, keuntungan atas ambilan tanah, pelbagai hasil di Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan adalah 1/8 daripada semua hasil Kumpulan Wang Zakat.

(c) Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Lembaga telah menetapkan dasar perakaunan dengan mempermudahkan Hartanah, Loji dan Peralatan yang harga perolehan asalnya RM2,000 dan ke atas setiap satu pada masa perolehan. Hartanah, Loji dan Peralatan yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 setiap satu diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana hartanah, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

Tanah pegangan kekal dan pegangan pajakan dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal.

Tanah pegangan kekal tidak susutnilaikan kerana tiada had hayat kegunaan, manakala tanah pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira dengan mengambil kira tarikh ianya diperolehi dan susutnilai tidak dibuat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang dijual atau dilupuskan dalam tahun semasa.

Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus dan kadar susutnilai adalah seperti berikut:

	Kadar Susutnilai Tahunan	Kadar Pelunasan Tahunan
Bangunan	2%	
Ubahsuai Bangunan	20%	
Kenderaan	20%	
Kelengkapan Pejabat	20%	
Komputer	40% (20% pada tahun 2011 dan sebelumnya)	
Aset Tidak Ketara		25%

(d) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah harta yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Lembaga akan menggunakan MPSAS 16 bagi penyata kewangan tahun 2018.

(e) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Lembaga dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambililah secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan di nilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata kewangan.

(f) Kerja Dalam Kemajuan

Lembaga merekodkan kos kerja dalam kemajuan berdasarkan sijil bayaran kemajuan berkenaan. Kerja dalam kemajuan akan dipindahkan ke harta tanah, loji dan peralatan apabila ianya telah siap dan Sijil Perakuan Siap Kerja diterima.

(g) Urus Niaga Pertukaran Belum Terima

Akaun Belum Terima yang merujuk kepada penghutang penyewaan Lembaga dinyatakan setelah ditolak dengan Elaun Hutang Ragu pada kadar yang telah ditetapkan.

Elaun Hutang Ragu ini telah diluluskan dalam Peraturan Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman pada 8 Februari 2018 yang akan digunakan pada tahun perakaunan 2018.

(h) Pelaburan

Pelaburan Lembaga adalah pegangan dalam bentuk Simpanan Deposit-I Berjangka di Institusi Kewangan Islam dalam negeri. Pelaburan dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang serta diperbaharui apabila sijil telah matang.

Manakala Simpanan Deposit-I Berjangka bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang dikategorikan di bawah wang tunai.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit bertempoh yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tidak mengalami perubahan nilai yang ketara.

(j) Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru

Pembiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(k) Cukai Pendapatan

Lembaga adalah dikecualikan dari cukai pendapatan serta tidak memperuntukkan cukai bagi tahun semasa dan menepati Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003 dan pengecualian cukai di bawah Perenggan 13(b) Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

(l) Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, Lembaga perlu membayar cukai ke atas semua pembelian barang dan perkhidmatan yang tertakluk kepada CBP. Tiada sebarang pengecualian yang diberikan kepada Lembaga.

